

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASAH)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.06.2014

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci sebab Kerajaan tidak mengumumkan kos pengambilalihan sistem penguatkuasa elektronik AES.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan masih dalam proses rundingan dengan kedua-dua syarikat pengendali AES bagi tujuan pengambilan alih program AES daripada dua syarikat terlibat.

Memandangkan proses pengambilan alih AES masih dalam peringkat rundingan, sebarang bentuk maklumat berkaitan termasuk amaun bayaran ganti rugi atau pampasan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Ini penting dipatuhi bagi memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat dengan rundingan berkenaan. Selain itu, Kerajaan telah menzahirkan komitmen agar pengambilan alih pelaksanaan AES dilakukan secara teratur, berhemah dan berintegriti supaya syarikat tidak memperolehi keuntungan yang berlebihan di samping tidak membebankan kewangan Kerajaan. Untuk itu, amaun pampasan yang akan dibayar adalah berdasarkan kepada asas/kaedah penilaian yang munasabah mengikut prinsip *fair and reasonable value*.